

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)  
Dewan Rakyat**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LONG [ BUKIT BINTANG ]**

**SOALAN :**

**Tuan Fong Kui Long [ Bukit Bintang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah rakyat Malaysia dari pelbagai kaum dan agama untuk bertukar agama ke agama Islam, bagaimanakah kebajikan mereka dan sejauh manakah benar dakwaan mereka terbiar setelah memeluk Islam.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendaftaran masuk Islam adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri (MAIN/ JAIN). Ini adalah selaras dengan bidang kuasa yang ditetapkan dalam Senarai II – Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagan Persekutuan, dimana perkara berkaitan agama Islam di

bawah bidang kuasa kerajaan Negeri, iaitu di bawah Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri di seluruh negara. Oleh itu, maklumat yang tepat bagi bilangan orang yang memeluk Islam hendaklah dirujuk kepada JAIN/MAIN masing-masing.

Setelah didaftarkan sebagai seorang penganut Islam oleh pendaftar mualaf di negeri masing-masing, JAIN/MAIN bertanggungjawab dan menjaga kebajikan serta memantau segala kelangsungan hidup sebagai seorang Mualaf. Misalnya di Wilayah Persekutuan, tanggungjawab menjaga kebajikan mereka dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan juga petubuhan bukan Kerajaan seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM). JAWI menjaga kebajikan mereka menerusi pelbagai pendekatan seperti berikut:

- i. pendidikan;
- ii. kursus/ bengkel/ seminar/ wacana/ halaqah/ diskusi/ konvensyen;
- iii. kebajikan/ bantuan;
- iv. pelbagai sokongan permohonan; dan
- v. pelbagai Skim Bantuan Kewangan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Sekian, terima kasih.